

**SURAT CARA PEWAKILAN FUNGSI-  
FUNGSI, KUASA-KUASA, TUGAS-TUGAS  
DAN TANGGUNGJAWAB-  
TANGGUNGJAWAB TERTENTU  
[P.U.(B) 441]**

BERTARIKH 14 DISEMBER 2000

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

## SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

SURAT CARA PEWAKILAN FUNGSI-FUNGSI, KUASA-KUASA, TUGAS-TUGAS  
DAN TANGGUNGJAWAB-TANGGUNGJAWAB TERTENTU

[Perkara 140(6)(b) dan 144(6)]

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan (b) Fasal (6) Perkara 140 dan Fasal (6) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pasukan Polis (dalam Surat Cara ini disebut “Suruhanjaya”) mewakili –

(a) Kepada –

- (i) Jawatankuasa Pemangkuan yang ditubuhkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2;
- (ii) Jawatankuasa Pelantikan dan kenaikan Pangkat yang ditubuhkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 3; dan
- (iii) Pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Malaysia (dalam Surat Cara ini disebut “Pasukan”) yang ditetapkan dalam ruang 3 Bahagian I Jadual,

Fungsi-fungsi, kuasa-kuasa, tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Suruhanjaya yang ditetapkan dalam ruang 4 Bahagian I Jadual berkenaan dengan anggota Pasukan yang ditetapkan dalam ruang 2.

- (b) Kepada Lembaga Pemilihan yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual, tugas-tugas tertentu yang ditetapkan dalam Bahagian itu sebagai tugas-tugas yang bersampingan dengan penjalanan kuasa-kuasa pelantikan dan kenaikan pangkat oleh pegawai-pegawai yang diwakili yang disebut dalam ruang 3 Bahagian I Jadual; dan
- (c) Kepada Lembaga Temu Duga yang ditetapkan dalam Bahagian III Jadual, tugas-tugas tertentu yang ditetapkan dalam Bahagian itu sebagai tugas-tugas yang bersampingan dengan penjalanan kuasa-kuasa pelantikan dan kenaikan pangkat oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Kenaikan Pangkat.

**Keanggotaan Jawatankuasa Pemangkuan**

2. Jawatankuasa Pemangkuan yang disebut dalam Surat Cara ini hendaklah terdiri daripada Menteri, sebagai Pengerusi, Ketua Polis Negara dan Ketua Setiausaha kepada Kementerian Dalam Negeri, dan kuorumnya adalah ketiga-tiga anggota itu.

### **Keanggotaan Jawatankuasa Pelantikan dan Kenaikan Pangkat**

3. Jawatankuasa Pelantikan dan Kenaikan Pangkat yang disebut dalam Surat Cara ini hendaklah terdiri daripada Ketua Polis Negara sebagai Pengerusi dan dua orang anggota Suruhanjaya yang lain, dan kuorumnya adalah pengerusi dan seorang anggota yang lain.

### **Pemakaian Bahagian IV Jadual**

4. Pegawai-pegawai atau Lembaga Pegawai-Pegawai yang diwakilkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menjalankan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa, tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab yang diwakilkan kepada mereka menerusi Surat Cara ini di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya dan hendaklah mematuhi dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Bahagian IV Jadual.

### **Perkataan dan ungkapan dalam Surat Cara hendaklah mempunyai makna yang sama seperti dalam Akta Polis 1967**

5. Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Surat Cara ini hendaklah mempunyai makna yang sama seperti dalam Akta Polis 1967 [*Akta 344*]:

Dengan syarat bahawa –

- (a) Perkataan “konstabel” termasuklah Lans-Koperal; dan
- (b) Perkataan “Inspektor” termasuklah Ketua Inspektor.

### **Makna “Pegawai yang diwakilkan” dan “Lembaga Pegawai-Pegawai yang diwakilkan:**

6. Dalam Surat Cara ini, ungkapan “Pegawai yang diwakilkan” ertinya seorang Pegawai yang kepadanya perwakilan dibuat menerusi Surat Cara ini dan ungkapan “Lembaga Pegawai-Pegawai yang diwakilkan” ertinya beberapa orang Pegawai yang kepadanya perwakilan dibuat menerusi Surat Cara ini.

### **Tarikh permulaan kuat kuasa**

7. Surat Cara Perwakilan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2001.

### **Pembatalan**

8. Surat Cara perwakilan Fungsi-Fungsi, Kuasa-Kuasa, Tugas-Tugas dan Tanggungjawab-Tanggungjawab Tertentu bertarikh 2 Disember 1985 [*P.U. (B)621/85*], kemudian daripada ini disebut “Suratcara yang dibatalkan”, adalah dibatalkan.

## Kecualian

9. Jika pada tarikh Surat Cara ini mula berkuat kuasa prosiding tatatertib telah dimulakan oleh seseorang Pegawai yang diwakilkan di bawah Suratcara yang dibatalkan dan perkara tatatertib itu sedang didengar, atau telah didengar tetapi tiada perintah atau keputusan telah dibuat mengenainya, prosiding itu hendaklah diteruskan dan diselesaikan oleh Pegawai yang diwakilkan di bawah Suratcara yang dibatalkan.

## JADUAL

### BAHAGIAN I

#### PENGERUSI, JAWATANKUASA ATAU PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIWAKILKAN DAN BIDANG KUASA MEREKA MASING-MASING

<i>Ruang 1</i>	<i>Ruang 2</i>	<i>Ruang 3</i>	<i>Ruang 4</i>
<i>Butiran</i>	<i>Anggota-Anggota Pasukan</i>	<i>Pengerusi/ Jawatankuasa/ Pegawai/Lembaga Pegawai-Pegawai Yang diwakilkan</i>	<i>Fungsi-fungsi, kuasa-kuasa, tugas- tugas dan tanggungjawab- tanggungjawab yang diwakilkan</i>

### KONSTABEL

1. Semua Konstabel
 

Seorang Pegawai Kanan Polis berpangkat Penolong Pesuruhjaya atau lebih tinggi	(a) Pelantikan, pelanjutan tempoh percubaan, penamatan perkhidmatan, pengesahan dan kemasukan ke dalam jawatan tetap dan berpencen dan pelantikan memangku dalam dan kenaikan pangkat kepada pangkat Koperal.
	(b) Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, termasuk kuasa menahan atau menggantung kerja tetapi tidak termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat.

- |    |                 |   |   |
|----|-----------------|---|---|
| 2. | Semua Konstabel | Jawatankuasa Pelantikan dan Kenaikan Pangkat  | Kenaikan pangkat secara lantikan ke pangkat Inspektor percubaan.  |
| 3. | Semua Konstabel | Seorang Pegawai Kanan Polis berpangkat Inspektor Percubaan sehingga dan termasuk Penguasa   | Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, kecuali kuasa menahan atau menggantung kerja dan kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji. |
| 4. | Semua Konstabel | Seorang Pegawai Kanan Polis berpangkat Penolong Pesuruhjaya atau lebih tinggi sebagai pengerusi dan dua orang Pegawai Kanan Polis lain berpangkat Penguasa atau lebih tinggi sebagai anggota. | Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat.   |

PEGAWAI  
RENDAH POLIS

- |    |                            |   |  |
|----|----------------------------|---|--|
| 5. | Semua Pegawai Rendah Polis | Seorang Pegawai Kanan Polis berpangkat Penolong Pesuruhjaya atau lebih tinggi | <p>(a) Pelantikan, pengesahan dan kemasukan ke dalam jawatan tetap dan berpencen dan pelantikan memangku dalam dan kenaikan pangkat ke suatu pangkat yang lebih tinggi sehingga dan termasuk Sub-Inspektor.</p> <p>(b) Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, termasuk kuasa menahan atau menggantung kerja tetapi tidak termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat.</p> |
|----|----------------------------|---|--|

- |    |                            |   |   |
|----|----------------------------|---|---|
| 6. | Semua Pegawai Rendah Polis | Jawatankuasa Pelantikan dan Kenaikan Pangkat  | Kenaikan pangkat secara lantikan ke pangkat Inspektor.  |
| 7. | Semua Pegawai Rendah Polis | Seorang Pegawai Kanan Polis berpangkat Inspektor Percubaan sehingga dan termasuk Penguasa   | Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, kecuali kuasa menahan atau menggantung kerja dan kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji. |
| 8. | Semua Pegawai Rendah Polis | Seorang Pegawai Kanan Polis berpangkat Penolong Pesuruhjaya atau lebih tinggi sebagai pengerusi dan dua orang Pegawai Kanan polis lain berpangkat Penguasa atau lebih tinggi sebagai anggota. | Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat.   |

PEGAWAI  
KANAN POLIS

- |    |  |                    |  |
|----|--|--------------------|--|
| 9. | Semua Pegawai Kanan Polis berpangkat Inspektor Percubaan sehingga dan termasuk Ketua Inspektor | Ketua Polis Negara | <p>(a) Pelanjutan tempoh percubaan, pengesahan dan kemasukan ke dalam jawatan tetap dan berpencen dan pelantikan memangku ke pangkat Penolong Penguasa.</p> <p>(b) Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, termasuk kuasa menahan atau menggantung kerja tetapi tidak termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat.</p> |
|----|--|--------------------|--|

10. Semua Pegawai Jawatankuasa Pelantikan dan Penamatan perkhidmatan daripada pangkat Inspektor Percubaan sehingga dan termasuk Timbalan Penguasa
11. Semua Pegawai Polis berpangkat Inspektor Percubaan sehingga dan termasuk Ketua Inspektor Seorang Pegawai Polis berpangkat Penolong Pesuruhjaya sehingga dan termasuk Pesuruhjaya Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, kecuali kuasa menahan atau menggantung kerja dan kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji
12. Semua Pegawai Polis berpangkat Inspektor Percubaan sehingga dan termasuk Ketua Inspektor Timbalan Ketua Polis Negara Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, termasuk kuasa menahan atau menggantung kerja tetapi tidak termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat
13. Semua Pegawai Polis berpangkat Inspektor Percubaan sehingga dan termasuk Ketua Inspektor Ketua Polis Negara atau Timbalan Ketua Polis Negara sebagai pengerusi dan dua orang Pegawai Polis lain berpangkat Timbalan Pesuruhjaya sehingga dan termasuk Pesuruhjaya sebagai anggota Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat

- |     |                         |                       |       |  |
|-----|-------------------------|-----------------------|-------|--|
| 14. | Semua Penolong Penguasa | Timbalan Polis Negara | Ketua | Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, kecuali kuasa menahan atau menggantung kerja dan kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji   |
| 15. | Semua Penolong Penguasa | Ketua Polis Negara    |       | <p>(a) Pelanjutan tempoh percubaan, pengesahan dan kemasukan ke d alam jawatan tetap dan berpencen dan pelantikan memangku ke pangkat Timbalan Penguasa.</p> <p>(b) Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, termasuk kuasa menahan atau menggantung kerja tetapi tidak termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji.</p> |
| 16. | Semua Timbalan Penguasa | Timbalan Polis Negara | Ketua | Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, kecuali kuasa menahan atau menggantung kerja dan kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji.  |
| 17. | Semua Timbalan Penguasa | Ketua Polis Negara    |       | <p>(a) Pelantikan memangku ke pangkat Penguasa.</p> <p>(b) Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, termasuk kuasa menahan atau menggantung kerja tetapi tidak termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji.</p>  |

- |     |  |                                   |  |
|-----|--|-----------------------------------|--|
| 18. | Semua Penguasa   | Ketua Polis Negara                | Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, termasuk kuasa menahan atau menggantung kerja tetapi tidak termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji. |
| 19. | Semua Penguasa   | Ketua Polis Negara                | Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, termasuk kuasa menahan atau menggantung kerja tetapi tidak termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji. |
| 20. | Semua Pegawai<br>Kanan Polis<br>berpangkat<br>Penolong<br>Pesuruhjaya<br>sehingga dan<br>termasuk<br>Pesuruhjaya | Timbalan<br>Ketua<br>Polis Negara | Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib kecuali kuasa menahan atau menggantung kerja dan kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji.                     |
| 21. | Semua Pegawai<br>Kanan Polis<br>berpangkat<br>Penolong<br>Pesuruhjaya<br>sehingga dan<br>termasuk<br>Pesuruhjaya | Ketua Polis Negara                | Menjalankan semua kuasa berkenaan dengan semua perkara tatatertib, termasuk kuasa menahan atau menggantung kerja tetapi tidak termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja, turun pangkat, turun gaji atau tangguh pergerakan gaji. |
| 22. | Semua Pegawai<br>Kanan Polis<br>berpangkat<br>Penolong<br>Penguasa<br>sehingga dan<br>termasuk<br>Pesuruhjaya    | Ketua Polis Negara                | Kemasukan ke dalam jawatan tetap dan berpencen.  |

23. Semua Pegawai Jawatankuasa Pelantikan memangku ke pangkat  
Kanan Polis Pemangkuan Penolong Pesuruhjaya atau lebih  
berpangkat tinggi bagi tempoh yang tidak  
penguasa sehingga dan melebihi dua tahun  
sehingga dan  
termasuk  
Pesuruhjaya

## BAHAGIAN II

### PEWAKILAN KEPADA LEMBAGA PEMILIHAN TUGAS-TUGAS TERTENTU PEGAWAI YANG DIWAKILKAN DAN LEMBAGA PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIWAKILKAN YANG BERSAMPINGAN DENGAN KUASA-KUASA PELANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT MEREKA

#### **Tugas-tugas yang diwakilkan kepada Lembaga Pemilihan**

1. Berkenaan dengan penjalanan kuasa untuk membuat pelantikan dan kenaikan pangkat oleh seorang Pegawai yang diwakilkan atau Lembaga Pegawai-Pegawai yang diwakilkan berkenaan dengan Konstabel dan Pegawai Rendah Polis di bawah Butiran 1, 2, 5 dan 6 Bahagian I, Lembaga Pemilihan yang ditetapkan dalam perenggan 2 hendaklah menjalankan tugas-tugas yang berikut:

- (a) Mengiklankan apa-apa kekosongan dan menerima permohonan bagi kekosongan itu;
- (b) Memproses permohonan;
- (c) Menapissenaraikan dan menemu duga calon; dan
- (d) Mengemukakan kepada Pegawai yang diwakilkan laporan Lembaga Pemilihan mengenai perkara-perkara di atas bersama dengan syornya;

Dengan syarat bahawa berkenaan dengan kuasa kenaikan pangkat, adalah menjadi tugas Lembaga Pemilihan hanya untuk menapissenaraikan dan menemu duga Pegawai-pegawai yang layak untuk dinaikkan pangkat dan untuk mengemukakan laporannya mengenai perkara-perkara itu bersama dengan syornya kepada Pegawai yang diwakilkan atau Lembaga Pegawai-Pegawai yang diwakilkan.

### **Keanggotaan Lembaga Pemilihan**

2. Lembaga pemilihan yang disebut dalam perenggan I hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi, yang adalah seorang Pegawai yang pangkatnya tidak rendah daripada Penguasa, dan dua orang anggota, yang adalah Pegawai yang pangkatnya tidak rendah daripada Penolong Penguasa, dan kuorumnya adalah Pengerusi dan seorang anggota yang lain.

## **BAHAGIAN III**

### **PEWAKILAN KEPADA LEMBAGA TEMU DUGA TUGAS-TUGAS TERTENTU JAWATANKUASA PELANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT YANG BERSAMPINGAN DENGAN KUASA PELANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKATNYA**

#### **Tugas-tugas yang diwakilkan kepada Lembaga Temu Duga**

1. Berkenaan dengan penjalanan kuasa untuk membuat pelantikan dan kenaikan pangkat oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Kenaikan Pangkat di bawah Butiran 10 Bahagian I, Lembaga Temu Duga yang ditetapkan dalam perenggan 2 hendaklah menjalankan tugas-tugas yang berikut:-

- (a) Menemu duga calon dan
- (b) Mengemukakan kepada Jawatankuasa Pelantikan dan Kenaikan Pangkat laporannya mengenai temu duga itu bersama dengan syornya.

### **Keanggotaan Lembaga Pemilihan**

2. Lembaga pemilihan yang disebut dalam perenggan I hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi, yang seorang anggota Suruhanjaya selain Ketua Polis Negara, dan dua orang anggota, yang adalah Pegawai Kanan Polis yang dilantik oleh Ketua Polis Negara, dan kuorumnya adalah Pengerusi dan seorang anggota yang lain.

#### **Lebih daripada satu Lembaga Temu Duga boleh ditubuhkan**

3. Lebih daripada satu Lembaga Temu Duga boleh ditubuhkan di bawah perenggan 2 bagi maksud menjalankan tugas-tugas di bawah Bahagian ini.

## BAHAGIAN IV

### AM

#### **Pegawai atau Lembaga Pegawai-Pegawai yang diwakilkan hendaklah menimbang jenis perkara tatatertib**

1. Apabila sesuatu perkara tatatertib dirujuk kepada seorang Pegawai atau Lembaga Pegawai-Pegawai yang diwakilkan (dalam Bahagian ini disebut “Lembaga Tatatertib”) untuk tindakan tatatertib, Pegawai yang diwakilkan atau Lembaga Tatatertib itu hendaklah, terlebih dahulu, sebelum memulakan apa-apa prosiding tatatertib berkenaan dengan Pegawai itu, menimbang sama ada perkara tatatertib itu adalah daripada jenis yang patut dikenakan hukuman yang tidak termasuk dalam bidang kuasanya untuk dikenakan, dan jika Pegawai yang diwakilkan atau Lembaga Tatatertib berpendapat bahawa perkara itu patut dikenakan hukuman yang tidak termasuk dalam bidang kuasanya untuk dikenakan, Pegawai yang diwakilkan atau Lembaga Tatatertib hendaklah merujuk perkara itu kepada Suruhanjaya.

#### **Perwakilan bertindih tidaklah menjejaskan antara satu sama lain**

2. Jika dalam Bahagian I berkenaan dengan sesuatu perihalan anggota pasukan suatu perwakilan dibuat kepada Pegawai-pegawai Pasukan yang lebih daripada satu jenis, masing-masing perwakilan itu tidaklah menjejaskan antara satu sama lain.

#### **Kuorum**

3. Kuorum bagi suatu mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada pengerusi dan dua orang anggota yang lain.

#### **Pegawai yang diwakilkan dan Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip dan tatacara yang ditetapkan**

4. Pada menjalankan bidang kuasa di bawah Surat Cara ini, Pegawai yang diwakilkan dan Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip dan tatacara yang dinyatakan dalam Surat Cara ini atau mana-mana peruntukan atau arahan lain yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa.

#### **Mesyuarat Lembaga Tatatertib**

5. Bagi maksud menjalankan fungsinya, Lembaga Tatatertib hendaklah mengadakan mesyuarat pada tarikh dan di tempat dan pada masa yang ditentukan oleh pengerusi.

### **Pengundian**

6. Semua persoalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah diputuskan mengikut kelebihan undi.

### **Rekod prosiding hendaklah disimpan**

7. Pengerusi Lembaga Tatatertib dan Pegawai yang diwakilkan hendaklah menyebabkan rekod semua prosiding disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

### **Sebutan mengenai pangkat atau jawatan termasuk Pegawai yang memegang pangkat atau jawatan itu**

8. Sebutan dalam Jadual ini mengenai seseorang pegawai yang menyandang sesuatu pangkat atau jawatan tertentu termasuklah sebutan mengenai seseorang Pegawai yang memegang dalam pangkat atau jawatan itu.

### **Pegawai yang dipinjamkan disifatkan berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Persekutuan apabila dia menjadi objek penjalanan kuasa-kuasa**

9. Jika seseorang pegawai yang dipinjamkan untuk berkhidmat di luar Pasukan adalah objek penjalanan mana-mana kuasa yang diwakilkan di bawah Jadual ini, dia hendaklah disifatkan menjadi seorang Pegawai yang sedang berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Persekutuan.

Bertarikh

[KDN(R)211/208/1 Klt.: PN(PU<sup>2</sup>)171B III]

**DATO' SERI HISHAMMUDIN BIN TUN HUSSEIN**

*Menteri Dalam Negeri*

*Pengerusi*

*Suruhanjaya Pasukan Polis*

**TAN SRI ISMAIL BIN OMAR**

*Ketua Polis Negara*

*Polis Diraja Malaysia*

*Anggota*

*Suruhanjaya Pasukan Polis*

DATO' ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI  
*Ketua Setiausaha*  
*Kementerian Dalam Negeri*  
*Anggota*  
*Suruhanjaya Pasukan Polis*

DATUK SALIM BIN HASHIM  
*Anggota*  
*Suruhanjaya Pasukan Polis*

DATUK SURIYADI BIN HALIM OMAR  
*Anggota*  
*Suruhanjaya Pasukan Polis*

DATUK ABDUL WAHAB BIN SULAIMAN  
*Anggota*  
*Suruhanjaya Pasukan Polis*

TUAN HAJI RAMBLI BIN HJ. SAHDAN  
*Anggota*  
*Suruhanjaya Pasukan Polis*

DATO' AHMAD SALEH BIN SARIF  
*Anggota*  
*Suruhanjaya Pasukan Polis*

DATO' MOHD AMIR BIN SULAIMAN  
*Anggota*  
*Suruhanjaya Pasukan Polis*